

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN [KIMANIS]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah inisiatif Kementerian bagi menaik taraf dan menambahkan lagi fasiliti sukan di Sabah khususnya di Parlimen Kimanis.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) komited dalam memastikan fasiliti sukan di bawah seliaan Kementerian yang terdapat di Sabah iaitu Kompleks Belia dan Sukan (Persekutuan) Negeri Sabah, Putatan dan Kompleks Sukan Komuniti Libaran, Sandakan sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan selesa untuk kegunaan masyarakat di Sabah.
2. Buat masa ini, Kementerian tiada perancangan rasmi untuk membina fasiliti sukan baharu di Parlimen Kimanis. Namun begitu, dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, Kementerian ini bersedia untuk mengkaji dan melihat semula fasiliti sukan sedia ada di Parlimen Kimanis sekiranya terdapat keperluan untuk kerja naik taraf atau pembinaan fasiliti baharu. Sebarang perancangan berkenaan perkara ini akan dimuktamadkan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12).

Sekian, terima kasih.